

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS KESYUKURAN SAMBUTAN 20 TAHUN UTeM**

4 Disember 2020, 3.00 petang  
Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera

**Yang dialu-alukan,**

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd. Rudin bin Ab. Ghani**  
Rektor KUTKM dan isteri

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib**  
Naib Canselor ketiga UTeM dan isteri

**Ybhg. Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**YBhg. Profesor Dr. Ghazali bin Omar**

Menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**YBhg. Profesor Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manaf**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong-Penolong Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Presiden Persatuan dan Kesatuan UTeM, Pesara UTeM, Alumni UTeM, Majlis Perwakilan Pelajar, Hadirin Hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya merafa'kan setinggi-tinggi kersyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, pada petang Jumaat yang penuh barakah ini, kita baru sahaja selesai melaksanakan bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan UTeM, pada 1 Disember 2020.

2. Sebagai makluman semua, pada awalnya pihak pengurusan Universiti telah merancang untuk menganjurkan sambutan ulang tahun dua dekad UTeM ini secara fizikal, dengan pelbagai pengisian yang menarik mulai 1 Disember sehinggalah penutupnya pada hari ini.
3. Walau bagaimanapun, atas faktor keadaan semasa, penularan pandemik COVID 19 di negara kita, maka pihak Universiti telah mengambil keputusan untuk menangguhkan terlebih dahulu segala perancangan penganjuran majlis

secara fizikal, sehingga keadaan terkawal dan bertambah baik.

4. Majlis ringkas pada petang ini merupakan simbolik dan rasa syukur kita bersama di atas segala nikmat dan kesejahteraan yang telah dikecapi oleh UTeM selama 20 tahun ini.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Kecemerlangan UTeM pada hari ini adalah berkat usaha bersama kepimpinan Universiti dan warganya sejak dari awal penubuhan KUTKM pada 1 Disember 2000.
6. Alhamdulillah, walaupun baru berusia 2 dekad, UTeM terserlah dengan penawaran program akademik bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan dan teknologi yang berkualiti tinggi dan memenuhi keperluan industri semasa.



7. Ahli akademik dan para penyelidik UTeM juga terserlah menerusi penglibatan aktif dalam bidang penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa menerusi perolehan geran penyelidikan dan kolaborasi strategik bersama industri dan agensi ternama serta semua pihak yang berkaitan. Hasil penyelidikan ini bukan sahaja memberi impak kepada Unviersiti ini sendiri malah turut membantu dan menyokong dalam melengkap esosistem pembangunan industri dan kelestarian masyarakat setempat.

8. Siswa siswi UTeM pula, yang disemai dengan semangat nilai TUAH, turut terserlah di arena kebangsaan mahupun antarabangsa dalam pelbagai bidang, sekaligus membuktikan segala berkat usaha kita selama ini bagi melahirkan siswa dan graduan yang holistik dan seimbang, telah pun membuah dan menampakkan hasilnya.
9. Pelbagai lagi kejayaan demi kejayaan telah tercipta sepanjang 20 tahun penubuhan UTeM yang tidak sempat saya kongsi dalam ucapan ringkas saya ini. Sebagai

contohnya, dalam aspek pembangunan universiti sendiri, pembangunan sumber manusia, kelestarian kewangan dan pelbagai aspek lagi, semuanya menunjukkan tren peningkatan yang membanggakan saban tahun.

10.Semestinya setiap pencapaian pada hari ini merupakan hasil perjuangan kita semua, sebagai sebuah keluarga besar UTeM. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada :

- a. Ybhg. Datuk Dr. Mohd. Rudin Abd Ghani yang merupakan Rektor pertama KUTKM,
- b. Datuk Ismail bin Hassan, Naib Canselor pertama UTeM
- c. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor kedua,
- d. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor ketiga dan semua mantan Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah,

Ketua-ketua PTj dan keseluruhan warga Universiti yang tidak pernah berbelah bahagi untuk membangunkan Universiti yang tercinta ini. Tanpa jasa dan pengrobanan anda selama ini, siapalah UTeM seperti hari ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

11.Saya mengharapkan agar semangat kesepunyaan dan keseranakan sebagai satu pasukan atau team UTeM ini berterusan dan berkekalan, supaya lebih banyak

kecemerlangan dan kegemilangan UTeM terus tercipta demi mencapai visi dan misi universiti ini.

12. Akhir kata, saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini dengan dua rangkap pantun:

Tinggi bukit gilang-gemilang,  
Air laut tenang-tenangan,  
Budi tuan puan takkan hilang,  
Kekal jadi kenang-kenangan.

Pekan Meranti riuhnya sakan,  
Kumpul setempat hati tertanya;  
Setinggi penghargaan UTeM ucapkan,  
Moga mendapat limpah rahmatNya

13.Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt.  
wbt. Terima kasih.